

# Program bantu pelajar tercicir disambut baik

Sinar  
hadiah

Akhbar  
Komuniti  
Warga Selangor & KL

Kerajaan juga perlu memastikan industri memberi peluang kepada kumpulan itu dengan mengambil mereka bekerja selepas tamat pengajian.

**KUALA LUMPUR** - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Majlis Belia Malaysia (MBM) menyambut baik usaha kerajaan bagi membantu pelajar tercicir seperti yang dibentangkan pada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan Rakyat, semalam.

Ketika membentangkan perkara itu, Perdana Menteri berkata bagi membantu pelajar tercicir, pembinaan pusat GiatMara baru akan dipercepatkan, dengan 80 peratus pengambilan dikhaskan untuk kumpulan pelajar itu.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata selain itu pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional yang menekankan latihan praktikal di industri akan dibuka kepada kumpulan pelajar berkenaan.

Setiausaha Agung GPMS, Nardin Awang berkata langkah itu satu peluang keemasan kepada kumpulan berkenaan yang terabai selama ini.

"Ini merupakan peluang yang sebesar-besarnya. Sekarang mereka (pelajar cicir) tiada lagi halangan ataupun alasan untuk tidak berusaha demi kebaikan mereka sendiri.

"Kami (GPMS) amat berterima-kasih kepada Perdana Menteri dan kami sambut baik inisiatif ini. Dengan adanya program seperti ini, ia akan bantu

kurangkan penggantungan kita kepada 'foreign skilled labour' kerana pekerja tempatan akan mampu ambil alih," katanya kepada Bernama.


Nardin bagaimanapun berkata kerajaan juga perlu memastikan industri memberi peluang kepada kumpulan itu dengan mengambil mereka bekerja, selepas tamat pengajian dan mengelak berterusan mengambil pekerja asing.

Anggota Exco MBM, Irmohizam Ibrahim berkata dengan memberi peluang kepada pelajar berkenaan dapat mengurangkan gejala sosial di kalangan remaja lelaki sekarang.

"Kami (MBM) sokong penuh apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri kerana ini akan membantu pelajar-pelajar tercicir ini dari segi lonjakan sosio-ekonomi. Selain itu, ia juga mampu mengurangkan masalah gejala-gejala sosial.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Yayasan Strategik Sosial Datuk Dr Denison Jayasooria berkata penekanan khusus hendaklah diberi kepada pelajar sekolah rendah dan menengah yang ketinggalan di bidang akademik sebelum mereka tercicir, oleh kerana langkah "pencegahan lebih baik dari rawatan".

Beliau berkata daripada memberi lebih fokus kepada melatih pelajar-pelajar ini bila mereka tercicir dari sekolah, adalah lebih baik kerajaan memfokus bagi menentukan pelajar ini pada awalnya tidak tercicir dengan memberi lebih banyak perhatian mengajar mereka dalam subjek kritikal seperti Ingeris, Matematik, Bahasa Malaysia dan pembinaan sahsiah. - BERNAMA



Program kemahiran yang diajar di GiatMara membantu pelajar yang tercicir.

## SK Taman Bunga Raya (1) anjur Hari Komitmen

**BUKIT BERUNTING** - Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Bunga Raya (1) di sini menganjurkan satu program Hari Komitmen pada 21 Jun lalu bagi mengeratkan lagi hubungan di antara guru dan ibu bapa.

Menurut sumber, penganjuran program tersebut antara lain bertujuan memberikan peluang kepada ibu bapa untuk berbincang mengenai tahap pencapaian anak-anak mereka khususnya dalam pelajaran.

Program tersebut dilihat sebagai

salah satu cara membantu ibu bapa mengekalkan prestasi pembelajaran anak-anak mereka dengan memberikan nasihat dan pandangan yang bersesuaian dan sewajarnya.

Melalui program tersebut juga, guru-guru menjawab pertanyaan-pertanyaan tentang kemajuan pembelajaran anak-anak mereka.

Justeru, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk ibu bapa, guru-guru serta pelajar-pelajar sekolah diperlukan bagi menjayakan program seperti itu pada masa-masa akan datang.